

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
(PERMATANG PAUH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2014

Y.B. DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perincian jumlah liabiliti 1MDB terkini dan apakah sebab penangguhan IPO aset tenaganya yang bernilai USD 3 bilion.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah hutang 1MDB pada tahun berakhir 31 Mac 2013 adalah sebanyak RM36.25 bilion. Laporan dan penyata kewangan bagi tahun

berakhir 31 Mac 2014 telah difailkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, 1MDB kini sedang dalam proses menyenaraikan saham aset IPP di Bursa Malaysia Securities Berhad (BURSA).

Tuan Yang di-Pertua,

1MDB adalah dihadkan daripada mendedah sebarang maklumat mengenai IPO sebelum ia diumumkan kepada umum berpandukan garis panduan publisiti (publicity guidelines) yang menyekat pendedahan maklumat kepada umum seperti yang dinyatakan (Dengan izin) Section 241 of the Capital Markets and Services Act 2007 ("CMSA") and the Advertising Guidelines issued by the Securities Commission ("SC") (updated as at 1 April 2013) ("Advertising Guidelines") limit the nature of information that can be disclosed by the Company and/or its representatives by means of any notice published in a document, newspaper, periodical or by way of any other medium.

Oleh itu, (Dengan izin) Section 241 of the Capital Markets and Services Act 2007 ("CMSA") and the Advertising Guidelines adalah terpakai untuk 1MDB.